

02 FEB 2001

TNB-Rumah

TENAGA NASIONAL BINA RUMAH UNTUK KAKITANGANNYA

PULAU PINANG, 2 Feb (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan membina rumah untuk 25,000 kakitangannya melalui Skim Taman TNB yang akan dilancarkan tidak lama lagi, kata Pengerusinya, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis.

Beliau berkata sebagai permulaan, TNB akan membina sebanyak 3,000 buah rumah pelbagai kategori di seluruh negara, dan dijadual dilancarkan secara serentak oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Jun ini.

"Dengan adanya projek perumahan berkenaan, kakitangan TNB tidak perlu lagi membeli rumah daripada pemaju lain dan ini akan memberi satu kesenangan kepada mereka," katanya kepada pemberita selepas menemui kakitangan TNB Pulau Pinang dan merasmikan "Pangsapuri TNB" di Sungai Ara hari ini.

Beliau berkata, pembinaan perumahan kakitangan itu bukanlah satu bidang perniagaan baru bagi TNB tetapi sebagai memenuhi tanggungjawab kebajikan kepada kakitangannya, yang juga boleh mendapatkan pinjaman perumahan yang disediakan oleh syarikat pengeluar tenaga elektrik itu.

Jamaludin berkata, dengan cara itu kakitangan TNB diharap dapat meningkatkan prestasi kerja mereka kerana tidak lagi perlu memikirkan masalah untuk memiliki rumah atau tinggal jauh dari tempat kerja.

Katanya, TNB bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk mengenal pasti tanah yang sesuai untuk dijadikan kawasan perumahan bagi kakitangannya.

Sementara itu, Jamaludin berkata, TNB akan menyusun semula struktur skim latihannya di semua peringkat bagi memastikan kakitangannya berdaya saing dalam dunia teknologi maklumat dan globalisasi masa kini.

Katanya, melalui penyusunan semula skim latihan itu, setiap kakitangan akan berpeluang untuk meningkatkan kemahiran mereka sama ada dalam bidang teknikal atau pengurusan.

Beliau berkata, dalam tempoh lima tahun setiap pekerja perlu menjalani latihan di semua peringkat supaya ada perubahan minda dan peningkatan kemahiran serta peluang kenaikan pangkat.

Katanya, kakitangan di bahagian kejuruteraan yang sudah mempunyai ijazah pertama dikehendaki mendapat ijazah kedua dan TNB bersedia untuk membiayai sepenuhnya kos menyambung pelajaran itu.

Pada majlis itu, Jamaludin turut melawat kuarters kakitangan yang mempunyai 240 unit rumah termasuk 20 unit rumah kakitangan eksekutif. Projek itu bernilai RM36 juta.

-- BERNAMA

NER ZU NMO